

# HARUMAN PENGIKAT KASIH

Ketika menghadiri majlis minum petang bersama teman baik tiba-tiba terhidu haruman yang benar-benar memikat hati. Malu untuk bertanya tetapi kuatkan juga hati kerana rasa ingin tahu tidak dapat dibendung lagi. Lebih kecewa apabila teman baik jawab, "Oh, I just combined between two fragrance,". Walaupun jawapannya nampak kejam tetapi boleh membakar semangat untuk meneruskan misi mencampurkan di antara dua minyak wangi demi mendapatkan haruman yang memikat.

PENYELARAS: HAMIZATUL MAIZAN MOHAMED FOTO: WWW.123RF.COM

Sebenarnya bukan mudah untuk mencampurkan di antara satu minyak wangi dengan yang lain kerana setiap minyak wangi mempunyai haruman yang berbeza mengikut aroma tubuh dan personaliti masing-masing. Takut juga apabila digabungkan antara dua minyak wangi akan menjadi lebih tengik atau 'busuk'. Mencampurkan di antara dua minyak wangi ini umpama satu 'perjudian'. Mungkin ada yang menjadi atau mungkin akan dibuang ke dalam tong sampah.

Selama ini kita meletakkan tanggungjawab mencampurkan minyak wangi kepada mereka yang pakar. Hanya dengan menghidu minyak wangi di kaunter kecantikan dan selesa dengan harumannya, maka ia akan menjadi milik kita. Sebelum mencuba untuk menggabungkan minyak wangi kita perlu menganalisis dan mengenali personaliti diri.

Bagaimana mahu melapiskan minyak wangi tanpa menukar haruman:

### **Aroma Lebih Kuat**

Mungkin pada pandangan kita menyatukan losen pewangi dengan minyak wangi adalah jalan paling mudah untuk mendapatkan aroma idaman. Sebenarnya menggandingkan losen pewangi dan minyak wangi bukan untuk mendapatkan aroma yang lebih kuat. Namun sepatutnya gabungan ini adalah untuk melengkapkan di antara satu nota dengan nota yang lain dalam minyak wangi tersebut. Malah gabungan losen pewangi dan minyak wangi adalah langkah pertama untuk penggabungan haruman mengikut personaliti diri.

# Aroma Tahan Lama

Sebenarnya teknik melapiskan haruman ini adalah salah satu cara untuk menjadikan aroma minyak wangi yang disemburkan di tubuh menjadi tahan lama. Ramai yang menganggap minyak wangi akan tersejat ke udara jika di sembur secara jarak jauh dengan kulit. Jadi melapiskan minyak wangi adalah jalan penyelesaiannya. Sebagai contohnya, jika pilihan anda adalah haruman berasaskan vanila, anda boleh mencampurkan titisan minyak daripada aroma yang sama ketika mandi. Mandian dengan aroma yang sama dapat mengekalkan haruman yang diaplikasikan.

# Aplikasi Losen Badan

Adakah anda seorang yang gemar menyapu losen badan setiap kali selepas mandi? Jika jawapannya ya, anda telah melakukan sesuatu dengan betul. Untuk mendapat haruman yang segar dan wangi, adalah disarankan untuk menyapu losen tubuh dahulu kemudian dilengkapkan dengan semburan minyak wangi untuk mempertingkatkan lagi aroma haruman segar.

# Haruman Yang Saling Melengkapi

Apabila berbicara tentang melapiskan pewangi, perkara penting yang perlu difikirkan adalah memilih haruman yang boleh diadunkan sempurna agar mendapat aroma lebih manis. Secara ringkasnya apa yang boleh disimpulkan adalah melapiskan pewangi beraroma lembut bersama dengan aroma yang lebih kuat. Berikut adalah aroma yang sesuai digandingkan bersama-sama.

Musk dan Bunga-bungaan Oriental dan Buah-buahan Oriental dan Gourmand Sitrus dan Kayu-kayuan Buah-buahan dan Bunga-bungaan Bunga-bungaan dan Oriental

# Tahu Apa Yang Tidak Boleh

Jika anda teringin menggabungkan haruman segar buah-buahan dan oriental mungkin boleh mencubanya, tetapi pakar pewangi mengatakan kedua-dua haruman ini akan clash apabila disatukan. Kedua-dua haruman ini apabila disatukan akan mencipta aroma yang tidak menyenangkan.

# Cara Yang Tepat Aplikasi Pewangi

Kebanyakan minyak wangi hadir dalam sebuah botol besar, di reka dengan penuh seni untuk menarik perhatian pengguna. Namun, terdapat juga minyak wangi dibotolkan dalam bentuk rollerball. Walaupun minyak wangi ini mempunyai beberapa cara untuk dibotolkan, namun bukan bermakna ia mempunyai pelbagai cara untuk dipakai. Cara yang tepat untuk memakai pewangi adalah menyembur atau menyapunya di poin nadi. Meletakkan minyak wangi di poin nadi ini akan membantu mengaktifkan pewangi untuk berbaur di udara.

